

## Phg. P.U. 37.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN  
(MAJLIS DAERAH PEKAN) (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Pekan dengan ini membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

**Tajuk ringkas dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Pekan) (Pindaan) 2022**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Pekan.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh disiarkan dalam *Warta*.

**Undang-Undang kecil baru 1A**

2. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Pekan) 1991, yang disebut "Undang-Undang Kecil ibu" dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 1, undang-undang kecil baru 1A yang berikut:

"1A. Undang-Undang Kecil ini juga terpakai kepada premis-premis Agensi berstatus Perbadanan dan *Government Linked Corporation (GLC)* serta mana-mana premis yang berkaitan dengannya."

**Undang-undang kecil baru 25A dan 25B**

Undang-undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 25, undang-undang kecil baru 25A dan 25B yang berikut:

**"Kuasa menutup premis**

25A. (1) Tanpa menjejaskan perjalanan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini, Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh, dengan serta-merta mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup mana-mana premis berlesen jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) telah berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat atau sekatan lesen;

(b) penutupan itu adalah perlu untuk atau bermanfaat untuk kepentingan awam; atau

(c) lesen tersebut telah diperolehi secara tidak wajar atau menyalahi undang-undang.

(2) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh secara bertulis memerintahkan penutupan serta-merta premis yang beroperasi tanpa lesen yang sah di bawah Undang-Undang Kecil ini sehingga lesen dikeluarkan atau diperbaharui, atau mana-mana peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya.

#### **Kuasa menyita premis**

25b. (1) Apa-apa barang, benda, alatan atau dokumen yang berkaitan dengan bukti kesalahan kepunyaan penghuni premis atau mana-mana orang boleh disita oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Apa-apa kos sitaan ditanggung oleh pemilik barang.

(3) Senarai semua barang-barang yang disita hendaklah disediakan oleh pegawai yang mengetuai operasi penyitaan itu dan hendaklah ditandatangani olehnya.

(4) Semasa penyitaan dijalankan hendaklah dibenarkan penghuni premis itu hadir dan apabila diminta olehnya hendaklah diserahkan kepadanya satu salinan daftar senarai barang yang disita itu dan ditandatangani olehnya.

(5) Sekiranya pelupusan dibuat dengan cara jualan, maka hasil jualan hendaklah dijadikan sebagai hasil Majlis.

(6) Apa-apa barang yang cepat rosak yang disita di bawah perenggan (1) Undang-Undang Kecil ini boleh dilupuskan pada bila-bila masa mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(7) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa barang yang telah disita di bawah perenggan (1), barang-barang itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar daripada tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tarikh tersebut mengikut cara yang dinyatakan kemudian daripada ini.

(8) Jika mana-mana orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya barang yang disita di bawah perenggan (1), maka barang yang disita itu tidaklah boleh dilucuthakkan, dan pemunya boleh, sama ada dengan sendiri atau melalui ejen yang diberi kuasa secara bertulis olehnya, menuntut barang-barang yang disita itu dengan memberikan notis bertulis kepada Yang Dipertua.

(9) Yang Dipertua, apabila menerima notis di bawah perenggan (8), boleh mengarahkan supaya barang-barang itu dilepaskan.”.

Dibuat 31 Oktober 2022

[SUK.PHG-3.600-1/1/124; PUN.PHG.A/100/06/JLD.8/07]

DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN BIN MD AMIN  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Daerah Pekan*

Disahkan 1 November 2022

MOHD ZUKRI BIN SIDEK  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Pahang*

#### LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

#### LICENSING OF TRADE, BUSINESS AND INDUSTRIES (PEKAN DISTRICT COUNCIL) (AMENDMENT) BY-LAWS 2022

In exercise of the power conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Pekan District Council makes, and pursuant to section 103 of the Act, the State Authority confirms the following by-laws:

#### Short title and application

1. (1) These by-laws may be cited as the **Licensing of Trade, Business and Industries (Pekan District Council) (Amendment) By-Laws 2022**.

(2) These By-Laws shall apply in the Pekan District Council area only.

(3) These By-Laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

#### New by-law 1A

2. The Licensing of Trade, Business and Industries (Pekan District Council) By-Laws 1991, which in these By-Laws is referred to as “the principal By-Laws”, is amended by inserting immediately after by-law 1, the following new by-law 1A:

“1A. These By-Laws shall apply to the premises of Corporate Status Agencies and Government Linked Corporation (GLC) as well as any related premises.”.